

NO. SOALAN: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK KOH NAI KWONG
[ALOR GAJAH]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2017

SOALAN :

YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bagaimana Kementerian akan memastikan bahawa setiap negeri akan mendapat bahagian yang sepatutnya daripada hasil kutipan cukai pelancongan bagi pemeriksaan sektor pelancongan seperti menambah baik kemudahan selain daripada promosi sahaja.

29

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bercadang untuk mengagihkan semula RM1.00 bagi setiap RM10.00 setiap bilik semalam (*room night*) yang dikutip kepada negeri-negeri bagi tujuan promosi sektor pelancongan. Walau bagaimanapun, mekanisme pengagihan hasil kutipan Cukai Pelancongan adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Kementerian ini yakin pelaksanaan cukai pelancongan akan menjadi pemacu kepada pertumbuhan industri pelancongan negara melalui sokongan kewangan tambahan yang akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi tujuan promosi dan aktiviti pemasaran secara lebih agresif dan efektif di luar negara. Perkembangan mapan industri pelancongan pastinya akan memberi manfaat ekonomi setempat melalui pertumbuhan industri kecil dan sederhana hasil daripada kesan limpahan (*spillover effects*) industri ini.

Kerajaan akan memastikan agihan hasil kutipan cukai pelancongan dimanfaatkan sebaiknya bagi menambah baik industri pelancongan negara daripada segenap aspek seiring dengan kedudukannya sebagai salah satu sumber pendapatan utama negara.

Sekian, terima kasih.